

Pangkalan data kesan bukti jenayah penting

BH 21/8/08 M/S 28

A PABILA kerajaan membentangkan Rang Undang-Undang Asid Deoksiribonukleik (DNA) untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat Isnin lalu, ada mendakwa ia bermotifkan politik dan disasarkan kepada golongan tertentu termasuk kononnya berikutan kes liwat dihadapi Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang kebetulan bertanding dalam pilihan raya kecil Parlimen Permatang Pauh sekarang. Sebenarnya, rang undang-undang itu sudah mula digubal dan dirangka seawal 2001 lagi dan Anwar ketika itu masih dalam penjara sebelum dibebaskan pada 2 September 2004. Hakikatnya, penggunaan DNA yang sudah meluas di negara maju seperti Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK), banyak membantu menyelesaikan kes jenayah.

Teknik DNA ini sudah diguna pakai sejak 1980-an yang bukan saja digunakan untuk menyiasat kes jenayah semasa, malah banyak membantu kes lama yang tidak dapat diselesai. Misalnya, awal tahun ini bukti DNA membantu pihak berkuasa UK mengenakan hukuman ke atas lelaki yang membunuh lima wanita di timur England dan seorang lelaki lain yang membunuh model, Sally Anne Bowman, selepas beberapa tahun.

Di AS, antara kes popular penggunaan DNA membabitkan Colin Pitchfork dan OJ Simpson. Sampel DNA yang diambil dari Pitchfork membolehkan pihak polis mensabitkannya dengan dua kes rogol dan pembunuhan iaitu Lynda Mann, 15, pada 1983 dan Dawn Ashworth pada 1986.

Di negara ini, banyak kes bunuh dan rogol yang gagal diselesaikan. Antara yang menarik perhatian umum ialah kes pembunuhan kejam Nurin Jazlin Jazimin dan kehilangan Sharlinie Mohd Nashar yang masih menjadi misteri sampai hari ini. Menerusi kaedah DNA, polis boleh mengambil sampel rambut, kulit, bulu, air liur atau air mani daripada orang disyaki dan membandingkannya dengan apa yang ditemui di tempat kejadian.

Kita percaya majoriti rakyat di negara ini tidak membantah jika mereka diwajibkan mendaftarkan DNA untuk disimpan dalam pangkalan data. Kita cuma ada rekod cap jari di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang boleh dipadankan tetapi kesan cap jari mudah hilang dan rosak di tempat kejadian. DNA mampu memberi ketepatan mengenai kehadiran seseorang yang melakukan jenayah. Ujian DNA memberi ketepatan 99.9 peratus, dengan setiap individu mempunyai DNA yang unik dan kemungkinan untuk serupa dengan individu lain hanya satu daripada satu trilion.

Penggunaan teknik DNA tidak akan berkesan tanpa pangkalan data untuk rekod DNA. Misalnya, jika berlaku sesuatu jenayah seperti bunuh atau rogol di sesuatu kawasan, polis boleh mengutip sampel dan kemudian memadankannya di pangkalan data, sekali gus membolehkan penjenayah dikesan. Masalahnya ialah bagaimana jika penjenayah itu warga asing. Jika setiap negara mewajibkan pengambilan DNA, maka jenayah rentas sempadan pun boleh diselesaikan apabila wujud kerjasama pertukaran maklumat DNA boleh dilakukan.